

12 DEC 1998

Lumba Kereta-Merdeka/I

HUJAN LEBAT TANGGUH PERLUMBAAN PUSINGAN KELAYAKAN

SEPANG, Dec 12 (Bernama) -- Sebahagian pusingan kelayakan pada Perlumbaan Merdeka Proton International 300km terpaksa ditangguhkan sehingga esok berikutan hujan lebat di Litar Antarabangsa Sepang, petang ini.

Pihak penganjur memutuskan untuk menjalankan sesi kelayakan itu, bagi menentukan petak peserta, jam 9.50 hingga 10.25 pagi esok sebelum perlumbaan sebenar bermula jam 1.30 petang.

Pengarah perlumbaan Jeffri Amin berkata hari ini bahawa semua 65 peserta melakukan perlumbaan dalam dua kumpulan dengan pemandu pertama akan memandu selama 15 minit dalam pusingan kelayakan esok.

Beliau berkata masa yang diambil oleh pemandu kedua hari ini yang diadakan sebelum hujan turun akan menjadi asas pemilihan petak pemandu esok.

Daripada 65 peserta perlumbaan, lima ialah peserta luar negara. Hanya 50 kereta terpantas akan dipilih untuk perlumbaan sebenar esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan perlumbaan kelayakan hari ini.

Jeffri berkata hanya 15 kereta dengan pemandu pertama menghabiskan perlumbaan hari ini sebelum hujan lebat turun.

Perlumbaan ini ditaja oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton).

Juara keseluruhan akan menerima sebuah kereta baru Satria GTi, berharga RM68,000, manakala tempat kedua menerima voucher diskaun RM20,000 yang boleh ditukar untuk membeli sebuah kereta Proton manakala ketiga voucher yang sama bernilai RM12,000.

-- BERNAMA

DC ZB